

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN
MUSA [KETEREH – BN]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN (NO. 42)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelaksanaan Program Parlimen Belia dan adakah ia mencapai matlamat Kementerian.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Parlimen Belia Malaysia telah mencapai matlamat bagi melatih pemimpin belia yang berumur di antara 18 sehingga 30 tahun dalam bidang kepimpinan sekali gus menyediakan barisan kepimpinan muda negara pada masa hadapan bersandarkan sistem demokrasi berparlimen. Pada Persidangan Parlimen Belia Malaysia Sidang I Tahun 2015-2016 yang telah diadakan pada 10 dan 11 Januari 2015 bertempat di Dewan Rakyat, sebanyak sembilan (9) usul telah dibahaskan dan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.
2. Secara khususnya, pelaksanaan PBM telah menunjukkan impak positif daripada aspek berikut:
 - a) Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan di kalangan Ahli Parlimen Belia Malaysia.
 - b) Menyerlahkan potensi dan kualiti kepimpinan di kalangan Ahli Parlimen Belia Malaysia.
 - c) Ahli Parlimen Belia Malaysia juga telah memahami proses penyediaan undang-undang serta memahami sistem pentadbiran negara.
 - d) Mengemukakan usul yang berasas dan praktikal untuk dilaksanakan sesuai dengan kehendak generasi muda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK JOHARI BIN ABDUL GHANI
[TITIWANGSA]**

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN : 43

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan penemuan sebarang bukti-bukti kukuh di dalam membantu penyiasatan dalam mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab di dalam menembak jatuh pesawat MH17 serta apakah tindakan Kerajaan kepada pihak yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Siasatan jenayah sedang dikendalikan oleh negara masing-masing seperti Malaysia, Australia, Ukraine dan Netherlands serta *Joint Investigation Team (JIT)* yang diterajui oleh Netherlands dan dianggotai oleh Malaysia, Ukraine, Australia dan Belgium.

Dibawah siasatan ICAO Annex 13, Malaysia terlibat secara langsung melalui perlantikan sebagai Accredited Representative (AR).

Berdasarkan kepada *Preliminary Report*, pihak *Dutch Safety Board* sebagai ketua penyiasat telah memaklumkan bahawa MH17 telah jatuh kerana terkena serpihan tembakan dari *Missile* dan bukan kerana kerosakan mekanikal atau *structural*. Siasatan masih dijalankan dan sehingga kini masih tiada kepastian mengenai bentuk tembakan ataupun jenis *missile* yang digunakan. Sebarang tindakan oleh kerajaan hanya dapat dilakukan selepas mengetahui punca sebenar kemalangan yang mana ketika ini masih dalam siasatan.